

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)36

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

36. Apakah rancangan MBPP dalam pembangunan fasiliti sisa bahan binaan dan perobohan memandangkan projek seperti Pulau Silikon, LRT dan STP2 telah bermula tetapi kontrak pajakan tanah Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung akan tamat pada tahun 2037?
- (a) Adakah MBPP dibenarkan menambak laut bagi tujuan pembangunan fasiliti sisa buangan di bahagian Pulau?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

36. Pembangunan fasiliti pengurusan sisa bahan binaan dan perobohan telah diberikan kepada Syarikat PLB Engineering Sdn. Bhd. (PLBE) melalui perjanjian rehabilitasi dan pembangunan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Berdasarkan syarat perjanjian, Syarikat PLBE perlu membangunkan fasiliti kekal bagi operasi pengurusan sisa binaan untuk tempoh 20 tahun. Buat masa ini, fasiliti sementara seluas 10 ekar telah disediakan di atas tanah milik bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di Fasa 3, Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung oleh Syarikat PLBE.

Walau bagaimanapun, faktor jarak dan masa penghantaran sisa ke Pulau Burung memberi kesan terhadap kos dan kecekapan operasi pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengumpulan dan pelupusan sisa binaan. Sehubungan dengan itu, penyediaan fasiliti pengurusan sisa binaan atau sekurang-kurangnya fasiliti transit di bahagian pulau wajar dipertimbangkan bagi menyokong kelancaran ekosistem pengurusan sisa sedia ada.

Dalam hal ini, pihak MBPP telah memohon kepada PDC selaku pemilik tanah Stesen Pemindahan Batu Maung untuk melanjutkan tempoh pajakan selama 30 tahun bagi membolehkan pembangunan fasiliti tersebut dilaksanakan.

Namun, permohonan tersebut telah ditolak oleh pihak PDC. Pihak MBPP berhasrat untuk mengemukakan rayuan kepada Kerajaan Negeri agar pertimbangan semula dapat diberikan demi kepentingan penduduk di bahagian Pulau.

Selain itu, pihak MBPP juga merancang untuk membangunkan Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu yang akan merangkumi pengurusan sisa domestik, sisa pukal serta sisa binaan dan perobohan di atas tapak berkenaan.

- (a) Kebenaran menambak laut bagi tujuan pembangunan fasiliti sisa buangan di bahagian Pulau adalah tertakluk kepada pematuhan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).